



TERMA DAN SYARAT PENCALONAN ANUGERAH TOKOH SISWA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 2025

Anugerah Tokoh Siswa Universiti Kebangsaan Malaysia 2025 merupakan platform terbaik untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah menunjukkan nilai kepimpinan yang kompeten dan holistik menerusi penganjuran program-program berimpak tinggi serta mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang yang dimenangi di peringkat antarabangsa dan kebangsaan mahupun universiti.

A. MAKLUMAT PENYERTAAN

1. Penilaian adalah bagi penglibatan dan pencapaian sepanjang **Sesi 2024/2025 sahaja (bermula 1 Oktober 2024 hingga 30 September 2025)**.
2. Tempoh penghantaran borang pencalonan dan dokumen berlampir adalah dari **31 Mac 2026 (Isnin) sehingga 19 April 2026 (Ahad)**, sebelum **jam 5.00 petang**.
3. Tarikh pengumuman keputusan dan penyampaian anugerah adalah pada **21 Mei 2026** (tertakluk pada perubahan).
4. Pencalonan hanya dibuka bagi **19 anugerah** yang dipertandingkan.
5. Permohonan Anugerah Tokoh Siswa UKM 2025 tidak menjamin pemilihan atau penerimaan anugerah. Semua pencalonan akan dinilai secara objektif mengikut kriteria dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa.
6. Keputusan panel penilai adalah **MUKTAMAD**, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
7. Segala maklumat peribadi yang dikumpulkan melalui borang ini hanya akan digunakan bagi tujuan permohonan dan penilaian pencalonan Anugerah Tokoh Siswa UKM 2025. Maklumat ini tidak akan digunakan untuk sebarang tujuan lain, dan tidak akan dikongsi dengan mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran.
8. Calon perlu memuat naik Borang Perakuan Penasihat dalam borang pencalonan dan mendapatkan pengesahan daripada penasihat sebelum penghantaran permohonan pencalonan.
9. Anugerah ini terbahagi kepada tiga (3) kluster utama iaitu:
 - i. Anugerah Utama;
 - ii. Anugerah Individu dan Pasukan; dan
 - iii. Anugerah Program Terbaik.
10. Pemenang setiap anugerah berkecualan untuk dicalonkan bagi Anugerah Tokoh Siswa Negara 2025 yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

B. SYARAT KELAYAKAN PENCALONAN

Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ingin menyertai atau terpilih untuk dipertandingkan dalam Anugerah Tokoh Siswa UKM 2025 mestilah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pelajar UKM yang **berdaftar secara sepenuh masa di UKM pada Sesi 2024/2025** (bermula Oktober 2024 hingga September 2025).
- ii. Calon mestilah memiliki **PNGK terkini sekurang-kurangnya 3.00**.
- iii. Calon tidak disabitkan dengan tindakan tatatertib.
- iv. Calon bagi **Kluster Anugerah Individu & Pasukan** hanya **dibenarkan memohon maksimum dua (2) kategori** yang berbeza. Permohonan kali ketiga dan ke atas **tidak akan diterima**.
- v. Calon bagi **Kluster Program Terbaik** hanya **dibenarkan memohon maksimum dua (2) program** yang berbeza. Permohonan kali ketiga dan ke atas **tidak akan diterima**.

C. SYARAT KATEGORI ANUGERAH

1. Calon **Anugerah Utama & Anugerah Individu** mesti memenuhi syarat-syarat khusus seperti berikut:
 - i. Calon mesti merupakan **Majlis Tertinggi / Ahli Jawatankuasa** bagi mana-mana badan pelajar yang berdaftar di UKM (iSTAR).
 - ii. Penglibatan calon dalam program hanya akan dinilai selepas **laporan aktiviti disahkan oleh Penasihat Program**.
 - iii. Terdapat **6 bahagian** yang perlu diisi bagi pencalonan ini, iaitu
 - Bahagian 1: Maklumat Diri
 - Bahagian 2: Peranan dan Impak Individu
 - Seksyen A: Penganjuran Program Terbaik
 - Seksyen B: Penglibatan/Penyertaan Program Terbaik (**kecuali Kategori Anugerah Penasihat Badan Pelajar**)
 - Bahagian 3: Kepimpinan (**kecuali Kategori Anugerah Penasihat Badan Pelajar**)
 - Bahagian 4: Pengiktirafan / Anugerah
 - Bahagian 5: Keterlihatan Media
 - Bahagian 6: Infografik dan Dokumentasi
 - iv. Calon perlu menghantar permohonan, **sekurang-kurangnya satu (1) dan maksimum sehingga 10** bagi:
 - Penganjuran program terbaik (Berdaftar di iSTAR);
 - Penglibatan/penyertaan program terbaik (Berdaftar di iSTAR);
 - Kecemerlangan terbaik (Berdaftar di iSTAR); dan
 - Keterlihatan media (artikel/poster/hasil kreatif/inovasi/penulisan/penerbitan media).
 - v. Calon diminta mengemukakan pautan *Google Drive* yang mengandungi dokumen lengkap seperti di bawah:
 - Salinan kertas kerja program/aktiviti (format pdf. dari iSTAR);

- Salinan laporan program/aktiviti (format pdf. dari iSTAR);
 - Salinan laporan kewangan program/aktiviti (Jika Ada);
 - 5 gambar setiap program/aktiviti;
 - **Gambar calon berukuran separuh badan;**
 - Salinan sijil pengiktirafan/ penghargaan/ pencapaian/ laporan keratan akhbar/ majalah/ media/ video/ surat sokongan (jika ada) (seperti yang telah dimuat naik dalam Modul Kecemerlangan iSTAR); dan
 - Laporan impak program terbaik yang dijalankan (sekurang-kurangnya 1 muka surat).
- vi. Calon perlu menyediakan infografik yang merangkumi maklumat di Bahagian 1 hingga Bahagian 5 - maksimum 8 muka surat sahaja dalam format PDF.
2. Calon **Kluster Anugerah Pasukan** mesti memenuhi syarat-syarat khusus seperti berikut:
- i. Penglibatan calon dalam program hanya akan dinilai selepas **laporan aktiviti disahkan oleh Penasihat Program**.
 - ii. Terdapat **6 bahagian** yang perlu diisi bagi pencalonan ini. Calon perlu menghantar permohonan, **sekurang-kurangnya satu (1) dan maksimum sehingga 10** bagi:
 - Bahagian 1: Maklumat Badan Pelajar
 - Bahagian 2: Keberkesanan dan Impak Pelaksanaan Program
 - Bahagian 3: Sinergi dan Tadbir Urus Organisasi
 - Bahagian 4: Kolaborasi dan Kecekapan Sumber
 - Bahagian 5: Keterlihatan Media
 - Bahagian 6: Infografik dan Dokumentasi
 - iii. Calon perlu menghantar permohonan, sekurang-kurangnya satu (1) dan maksimum sehingga 10 bagi:
 - Penganjuran program terbaik;
 - Kolaborasi dengan pihak berkepentingan; dan
 - Keterlihatan media.
 - iv. Calon diminta mengemukakan pautan *Google Drive* yang mengandungi dokumen lengkap dan menyediakan seperti di bawah:
 - Salinan kertas kerja program/aktiviti (format pdf. dari iSTAR);
 - Salinan laporan program/aktiviti (format pdf. dari iSTAR);
 - Salinan laporan kewangan program/aktiviti (Jika Ada) (format pdf. dari iSTAR);
 - 5 gambar bagi setiap program;
 - **Carta organisasi dan logo badan pelajar;**
 - Salinan sijil pengiktirafan/ penghargaan/ pencapaian/ laporan keratan akhbar/ majalah/ media/ video/ surat sokongan (jika ada); seperti yang telah dimuat naik dalam Modul Kecemerlangan iSTAR; dan
 - Laporan impak 1 program terbaik yang dijalankan merangkumi impak kepada Universiti/ komuniti, rakan strategik dan jumlah penajaan (tidak melebihi 1 muka surat mengikut Gaya UKM).
 - v. Calon perlu menyediakan infografik yang merangkumi maklumat di Bahagian 1 hingga Bahagian 5 - maksimum 8 muka surat sahaja dalam format PDF.

3. Calon **Kluster Anugerah Program Terbaik** perlu mengemukakan pautan google drive yang mengandungi dokumen lengkap seperti di bawah **1 Program Terbaik**:
- i. Calon merupakan **Majlis Tertinggi/ Ahli Jawatankuasa** bagi mana-mana program yang berdaftar di UKM (iSTAR).
 - ii. Penglibatan calon dalam program hanya akan dinilai selepas **laporan aktiviti disahkan oleh Penasihat Program**.
 - iii. Terdapat **6 bahagian** yang perlu diisi bagi pencalonan ini, iaitu
 - Bahagian 1: Maklumat Pasukan
 - Bahagian 2: Keberkesanan dan Impak Pelaksanaan Program
 - Bahagian 3: Keterlihatan Media (Sekiranya ada)
 - Bahagian 4: Infografik dan Dokumentasi
 - iv. Calon diminta mengemukakan pautan *Google Drive* yang mengandungi dokumen lengkap dan menyediakan seperti di bawah:
 - Salinan kertas kerja program/aktiviti (format pdf. dari iSTAR);
 - Salinan laporan program/aktiviti (format pdf. dari iSTAR);
 - Salinan laporan kewangan program/aktiviti (Jika Ada) (format pdf. dari iSTAR);
 - 5 gambar bagi program;
 - Salinan sijil pengiktirafan/ penghargaan/ pencapaian/ laporan keratan akhbar/ majalah/ media/ video/ surat sokongan (jika ada) (seperti yang telah dimuat naik dalam Modul Kecemerlangan iSTAR); dan
 - Laporan impak 1 program terbaik yang dijalankan merangkumi impak kepada Universiti/ komuniti, rakan strategik dan jumlah penajaan (tidak melebihi 1 muka surat mengikut Gaya UKM).
 - v. Calon perlu menyediakan infografik yang merangkumi maklumat di Bahagian 1 hingga Bahagian 3 - maksimum 8 muka surat sahaja dalam format PDF.

D. SENARAI ANUGERAH TOKOH SISWA UKM 2025

KLUSTER UTAMA	KATEGORI	ANUGERAH
ANUGERAH UTAMA	-	1. Tokoh Siswa UKM 2. Anugerah Naib Canselor (Berkumpulan) 3. Anugerah Naib Canselor (Individu) 4. Anugerah Timbalan Naib Canselor HEPA
ANUGERAH INDIVIDU & PASUKAN	KEPIMPINAN PELAJAR	1. Tokoh Kepimpinan Siswa 2. Anugerah Sinergi Kepimpinan Siswa 3. Tokoh Bicara Siswa 4. Tokoh Kesatria Siswa 5. Anugerah Penasihat Badan Pelajar
	PEMBANGUNAN SOSIAL	1. Tokoh Inklusif Siswa 2. Tokoh Tengku Ampuan Afzan 3. Tokoh Perpaduan Siswa 4. Tokoh Seni Budaya Siswa 5. Tokoh Sukan Rekreasi Siswa
	PEMBANGUNAN AKADEMIK & KEUSAHAWANAN	1. Tokoh Inovasi Siswa 2. Tokoh Usahawan Siswa
	KESUKARELAWAN	1. Tokoh Sukarelawan Siswa 2. Tokoh Komuniti Siswa 3. Tokoh Kelestarian Siswa
ANUGERAH PROGRAM TERBAIK	-	1. Anugerah Program Dalam Negara Terbaik 2. Anugerah Program Luar Negara Terbaik 3. Anugerah Penjana Program Terbaik

E. PENOLAKAN PENYERTAAN

1. Pihak urus setia berhak untuk menolak sebarang permohonan yang tidak lengkap, mengandungi maklumat yang tidak benar, atau tidak memenuhi syarat kelayakan.
2. Borang pencalonan dan dokumen yang lewat dihantar tidak akan diproses.

F. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia selewat-lewatnya pada **19 April 2026 (Ahad) sebelum jam 5.00 petang.**

G. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Urus Setia seperti berikut:

- Encik Abdul Qaiyum Borhan : +603-80942048
- Puan Nur Emieza Saleh : +603-80942045

Pusat Hal Ehwat Pelajar (HEP-UKM)
Aras 7, Bangunan PUSANIKA
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi
Selangor

No. Tel. : +603-8094 2052 / 2050
E-mel : atsukm@ukm.edu.my